

YABHG. TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

Mahathir Mohamad satu nama besar yang amat dikenali di seluruh dunia. Dilahirkan pada tanggal 20 Disember 1925 di Seberang Perak, Alor Star Kedah, beliau merupakan anak kesembilan kepada pasangan Mohamad bin Iskandar seorang guru besar dan Wan Tempawan binti Wan Hanafi, seorang suri rumah. Sejak kecil Mahathir ditimang dengan nama 'Che Det'. Siapa sangka, Che Det, anak bongsu kelahiran negeri Kedah ini akhirnya menjadi inspirasi tertinggi yang telah membuktikan pelbagai perkara; 1) Bahawa ilmu tidak datang bergolek malah perlu dicari dan ditimba - asasnya MEMBACA yang menjadi darah dagingnya; 2) Bahawa dengan ilmu seseorang boleh cemerlang dalam apa jua bidang pun - beliau merupakan mahasiswa perubatan dan satu-satunya Perdana Menteri Malaysia dengan pendidikan berasaskan Sains tetapi kecemerlangan mentadbirnya tiada - tolok bandingnya; 3) Bahawa dengan berbekalkan bukti dan hujah yang kukuh berlandaskan ilmu pengetahuan yang jitu, idea-idea yang dianggap keterlaluan dan kadangkala mengundang kontroversi, terbukti mampu menjadi kenyataan yang membanggakan; 4) Bahawa pembelajaran sepanjang hayat tanpa henti-hentinya serta tindakan yang wajar akan membuahkan hasil yang

lumayan yang mampu dinikmati manusia sejagat; dan 5) Kekuatan diri datang daripada sokongan padu keluarga yang bahagia dan memahami, daripada ibu bapa, dan terutamanya daripada pasangan hidup yang setia.

YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah Perdana Menteri Malaysia yang ke-4 dengan tempoh pentadbiran paling panjang selama 22 tahun (16 Julai 1981 - 31 Oktober 2003). Berbekalkan Wawasan 2020, semua objektif dirangka dengan begitu fokus dan mantap, untuk diusahakan dan dicapai satu persatu. Dalam tempoh inilah, beliau telah memacu Malaysia ke arah kemajuan dan kemodenan. Bukan mudah jalan yang dilalui. Dengan kepimpinan yang mantap, bersama kelantangan suara dan pandangan yang disandarkan hujah-hujah yang bernas dek ilmu pengetahuan yang cukup tinggi, beliau berjaya menangkis ketidakpercayaan rakyat Malaysia sendiri dalam merealisasikan misi pemodenan negara. Di bawah pentadbiran beliau, Malaysia mengukir nama setanding dengan suara-suara besar dunia yang lain. Pernah dinobatkan sebagai individu kedua paling berpengaruh di Asia, Tun adalah negarawan ulung negara yang bukan sahaja disegani di seluruh dunia, bahkan memacu negara kita Malaysia melakar nama di peta dunia.



Che Det anak bongsu pasangan Wan Tempawan binti Wan Hanafi dan Mohamad bin Iskandar.

PENDIDIKAN

Anak bongsu daripada sembilan beradik ini memulakan alam persekolahan di Sekolah Melayu Seberang Perak pada tahun 1930. Berbekalkan kegigihan menimba ilmu, beliau melanjutkan pengajian menengah di Government English School, Alor Setar yang kini dikenali sebagai Kolej Sultan Abdul Hamid. Kecerdasan beliau dalam akademik melayakkan beliau tamat dengan keputusan Senior Cambridge yang cemerlang pada tahun 1945. Berlandaskan kecemerlangannya itu jugalah, dalam tahun 1947, Mahathir telah ditawarkan Biasiswa Negeri Kedah untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di King Edward VII College of Medicine, Singapura. Semasa di Kolej, beliau merupakan

seorang pelajar yang tekun dan bersungguh-sungguh dalam pelajaran, aktif dalam sukan ragbi dan sentiasa mengambil berat tentang kebajikan pelajar-pelajar lain.


Pada tahun 1953, beliau telah dianugerahkan Ijazah Doktor Perubatan (M.B.B.S) dari University of Malaya, Singapura. Berbekalkan kelulusan berkenaan, Dr. Mahathir telah memulakan perkhidmatannya dalam kerajaan dengan menjadi doktor pelatih di Hospital Besar Pulau Pinang. Pada tahun 1954, Dr. Mahathir telah dilantik sebagai Pegawai Perubatan di Hospital Besar Alor Setar bagi memenuhi kontrak biasiswanya. Beliau juga telah memberikan khidmat perubatan di Langkawi, Jitra dan Perlis.




Che Det graduan Ijazah Doktor Perubatan (M.B.B.S) University of Malaya, Singapura.

PERKAHWINAN


Ketika menuntut di King Edward VII College of Medicine, Mahathir telah berkenalan rapat dengan seorang gadis dari Selangor bernama Dr. Siti Hasmah binti Mohd Ali yang mengikuti bidang pengajian yang sama. Bagaikan *ikan di laut, asam di darat*, keakraban dan kesefahaman yang tulus dan padu akhirnya membawa mereka ke jinjang pelamin, pada Ogos 1956. Berkat perkahwinan itu, mereka telah dikurniakan tujuh cahaya mata, empat putera dan tiga puteri.



Cinta kampus permulaan hubungan Dr. Mahathir Mohamad dan Dr. Siti Hasmah Mohd Ali.



Saat bersejarah...pasangan bahagia ini melangsungkan perkahwinan pada Ogos 1956.



Bagai pinang dibelah dua, Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah sama cantik sama padan.

KERJAYA AWAL

Pada tahun 1957, Dr. Mahathir dan isterinya telah membuka klinik persendirian Melayu pertama di negeri Kedah iaitu Klinik MAHA, di Jalan Tunku Ibrahim, Alor Setar. Selain memberi perkhidmatan perubatan kepada masyarakat, Klinik MAHA juga merupakan wadah untuk beliau melibatkan diri secara proaktif dalam aktiviti masyarakat setempat sesuai dengan rasa cakna kepada masalah semasa yang menebal dalam jiwanya. *Diam-diam ubi berisi*, rupa-rupanya Dr. Mahathir telah sekian lama menaruh minat yang mendalam dalam bidang penulisan. Malah

minat ini tidak dipersiapkan begitu sahaja malah beliau juga turut menyumbang keringat sebagai penyunting sebuah majalah perubatan *The Couldron* terbitan Kolej pengajian beliau dahulu. *Alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan*, sejak itulah keprihatinan beliau terhadap masalah ekonomi dan politik Melayu telah diluahkan dalam titipan rencana-rencana yang diterbitkan oleh *Sunday Times* di bawah nama pena yang sebatian dengan dirinya sejak kecil lagi iaitu 'C.H.E. Det' antara tahun 1946-1950.

PENGLIBATAN DALAM POLITIK

Bersenjatakan minda yang lunas dan mata pena yang tidak kering menitip, minat dan keprihatinan Tun Dr. Mahathir mengenai isu sosiopolitik negara ketika itu terus beliau manifestasikan menerusi esei dan komentar di dada akhbar *The Straits Times*. Hanya selepas beliau meletakkan jawatan sebagai doktor perubatan kerajaan pada tahun 1957, Dr. Mahathir mula bergiat aktif dalam politik. Minat berpolitik ini rupanya mendapat sokongan padu dan dikongsi bersama dengan ayahandanya. Semasa pilihan raya umum tahun 1964, Dr. Mahathir diberi kepercayaan menjadi calon pilihan raya dan seterusnya berjaya memenangi kerusi Parlimen Kota Setar di atas tiket Parti Perikatan di bawah kepimpinan Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Bermula dari sinilah beliau menempa nama di kalangan masyarakat setempat khususnya dan senario politik negara umumnya. Walau bagaimanapun, pepatah Melayu ada berkata, bagai air laut ada pasang ada surutnya, begitulah juga kerjaya politik Mahathir, ada jatuh dan bangunnya. Beliau kehilangan kerusi parlimen tersebut pada pilihan raya umum berikutnya iaitu pada tahun 1969.

Tanpa mengenai erti jemu dan putus asa, pada pilihan raya umum tahun 1974, Dr. Mahathir membuktikan beliau mampu mendapatkan semula kepercayaan umum apabila menang tanpa bertanding di kerusi Parlimen Kubang Pasu. Atas kemampuan inilah, beliau dilantik sebagai Menteri Pelajaran di bawah pentadbiran Allahyarham Tun Abdul Razak. Mahathir senantiasa penuh visi dan misi serta berpandangan jauh. Antara langkah pertama yang diambil sebagai Menteri Pelajaran ialah mengubah polisi pendidikan negara



supaya ianya menjurus ke arah menghapuskan kemiskinan, mewujudkan keadilan untuk semua dan memastikan semua individu diberi peluang memperbaiki taraf hidup mereka.

Di arena politik pula, kemenangan beliau dalam pemilihan salah satu daripada kerusi Naib Presiden dalam Perhimpunan Agong UMNO (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu) pada tahun 1975 telah menjadi batu loncatan kepada asas kejayaan politik beliau sehingga kini. Ketika Allahyarham Tun Hussein Onn menjawat jawatan Perdana Menteri Malaysia ke-3 dan Presiden UMNO, Dr. Mahathir telah dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri sekaligus menjawat jawatan Timbalan Presiden Parti. Kemenangan Dr. Mahathir buat kesekian kalinya dalam pilihan raya umum pada tahun 1978 telah melayakkan beliau mengekalkan jawatannya di dalam kabinet kerajaan dan parti.

Akhirnya, pada 16 Julai 1981, Dr. Mahathir telah dipilih sebagai Presiden UMNO dan seterusnya sebagai Perdana Menteri yang ke-4

pada usia 55 tahun berikutan perletakan jawatan Perdana Menteri oleh Allahyarham Tun Hussien Onn atas sebab kesihatan. Beliau merupakan pemimpin yang paling lama memegang jawatan sebagai Perdana Menteri, iaitu dari 16 Julai 1981

hingga 31 Oktober 2003. Sepanjang 22 tahun beliau memegang jawatan pentadbiran tertinggi negara itu, banyak kemajuan dan pembangunan yang telah beliau rancang dan laksanakan. Hasilnya kini kita nikmati sebagai rakyat Malaysia.



Allahyarham Tun Hussien Onn memperkenalkan Dr. Mahathir sebagai Presiden UMNO yang baharu pada 16 Julai 1981.

PENGIKTIRAFAN SUMBANGAN

Sepanjang tempoh penerajuan beliau sebagai Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir telah membawa Malaysia ke persada kecemerlangan. Kini Malaysia telah melalui pelbagai pembaharuan mahupun dari aspek fizikal, mental dan sosial. Malaysia telah menjadi negara yang disegani dan dihormati di pentas dunia. Malaysia mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah di kalangan negara-negara maju dunia. Kejayaan Malaysia sebagai negara membangun dan sebuah negara Islam yang unggul di rantau ini telah diiktiraf dunia. Warisan yang ditinggalkan oleh Tun Dr. Mahathir nyata sekali tidak mampu kita pertikaikan.

Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau, jasa-jasa dan kecemerlangan Tun Dr. Mahathir diiktiraf baik dalam Malaysia, mahupun luar Negara. Malah beliau telah dianugerahkan dengan tidak kurang daripada 60 anugerah kesemuanya di atas pengiktirafan tersebut. Beliau mula menerima anugerah kebesaran negeri seawal tahun 1965 daripada kerajaan negeri Perak, seterusnya anugerah-anugerah Doktor Kehormat daripada pelbagai universiti tempatan, baik kerajaan mahupun swasta. Dunia juga mengiktiraf kecemerlangan Tun Dr. Mahathir. Beliau pernah dinamakan sebagai orang kedua paling berpengaruh di Asia oleh majalah *Asiaweek*.

Beliau juga pernah mendapat anugerah dari United Kingdom iaitu tersenarai di *Asia Logistic Award: Hall of Fame*, dari Amerika Syarikat dengan *Lifetime Achievement Award* dan *U Thant Peace Award*, dari Arab Saudi dengan *King Faisal International Prize for Service to Islam* dan dari banyak Negara lagi. Bak kata pepatah, *tuah ayam ditajinya, tuah manusia siapa yang tahu*. Anugerah anugerah ini bukan sahaja melambangkan pengiktirafan kepada sumbangan beliau dalam pelbagai bidang merangkumi politik, keamanan, kemanusiaan, ekonomi, sains dan sebagainya, hatta menjadi buah mulut masyarakat sedunia yang seharusnya menjadi kebanggaan kita yang bergelar warganegara Malaysia.

Jika dunia pun telah mengiktiraf beliau, apatah Malaysia sendiri. Sekiranya Allahyarham Tunku Abdul Rahman dikenang sebagai "Bapa Kemerdekaan Malaysia", Allahyarham Tun Abdul Razak sebagai "Bapa Pembangunan Malaysia" dan Allahyarham Tun Hussein Onn sebagai "Bapa Perpaduan Malaysia", atas jasa-jasa dan sumbangannya yang tidak terhingga sepanjang 22 tahun memegang amanah mentadbir negara, Malaysia mengenang Tun Dr. Mahathir dengan gelaran yang selayaknya untuk beliau iaitu "Bapa Pemodenan Malaysia".



YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad...ketika melancarkan program Le Tour de Langkawi, salah satu program peringkat antarabangsa hasil gagasan idea beliau.



YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad...nama beliau harum di seluruh dunia.



YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad turut disegani oleh pemimpin dunia luar.

ANUGERAH TEMPATAN

Tahun	Anugerah	Negeri
2011	Ijazah Kehormat Ulung Doktor Kejuruteraan Universiti Malaysia Perlis	UniMAP, Perlis
2011	The Lifetime Achievement Award of the Kuala Lumpur Mayor's Tourism Awards	Kuala Lumpur
2010	Ijazah Kehormat Universiti Sains Islam Malaysia	USIM, Selangor
2008	Darjah Seri Utama Mahkota Wilayah (SUMW)	Wilayah Persekutuan
2006	Certificate of Excellent Multimedia University	Malaysia
2006	Anugerah Minda Agung Malaysian Invention & Design Society (MINDS)	Malaysia
2005	Grand Fellow Institut Kelautan Malaysia (IKMAL)	IKMAL (Malaysia)
2004	Grand Fellow Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Kuala Lumpur (DPMMKL)	DPMMKL (Kuala Lumpur)
2004	Honorary Doctor of Philosophy in Development Studies Universiti Malaysia Sarawak	UNIMAS, Sarawak
2004	"Wira Perdana Negara" Persatuan Kebajikan Keluarga Bekas Polis dan Tentera (POLTERA) WP dan Selangor	POLTERA (WP& Selangor)
2004	FIABCI Award of Distinction 2004 for Nation Building	Malaysia
2004	Honorary Doctor of Philosophy in Economics Universiti Malaysia Sabah	UMS, Sabah
2004	Honorary Doctor of Philosophy in Leadership and Humanity Development Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak	UPSI, Perak
2004	Ijazah Kehormat Tertinggi Doktor Sains Universiti Sains Malaysia, Penang	USM, Penang
2004	Honorary Doctor of Philosophy in Knowledge Science Multimedia University, Cyberjaya	MMU
2004	Honorary Doctor of Philosophy in Science Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor	UPM
2004	Honorary Doctor of Philosophy in Management of Development Universiti Utara Malaysia, Sintok, Perlis	UUM
2004	Honorary Doctor of Philosophy in Law Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor	UKM
2004	Institute of Engineers' Distinguished Honorary Fellow Institute of Engineers' Malaysia	IEM
2004	Honorary Doctor of Philosophy in Government and Political Science Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor	UiTM
2004	Honorary Doctor of Philosophy in Engineering and Technology from Universiti Teknologi Petronas (UTP), Tronoh, Perak	UTP
2004	Sports Personality Award 2003 National Sports Award 2003	Malaysia
2004	Doctor of Islamic Thought Honorary Degree Universiti Malaya, Kuala Lumpur	UM
2004	Honorary Degree of Doctor of Letters from International Islamic University of Malaysia	IIUM
2003	Honorary Fellow Academy of Science of Malaysia Kuala Lumpur	Kuala Lumpur

2003	"The Father of Modern Malaysia" Malaysian Government	Malaysia
2003	Honorary Doctorate of Management and Engineering Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor	UTM
2003	S.M.N Seri Maharaja Mangku Negara	Malaysia
2003	D.K Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Selangor	Selangor
2003	The Father of National Unity Award Parti Bersatu Sabah	Sabah
2003	D.S.B.S. Darjah Satria Bintang Sarawak	Sarawak, Malaysia
2003	D.K. The Most Honourable Order of The Royal Family of Kedah	Kedah, Malaysia
2002	D.K. The Most Esteemed Order of The Royal Family of Kelantan	Kelantan, Malaysia
1997	Tuanku Syed Putra of Perlis Royal Outstanding Award	Perlis, Malaysia
1997	S.S.A.P. Knight Commander of The Sultan Ahmad Shah	Pahang, Malaysia
1996	Fellowship of The International College of Surgeons	Malaysia
1996	Anugerah Cemerlang	Perlis, Malaysia
1995	D.K. The Most Esteemed Order of The Royal Family of Tuanku Syed Putra	Perlis, Malaysia
1994	Wira Keadilan	Pasir Mas Foundation
1992	Melaka Historical City's Honorary Citizen Award	Melaka
1991	Wira Nusa Raya	UMNO, Sabah
1989	D.K.(I) The Most Esteemed Order of The Royal Family of Johor	Johor, Malaysia
1988	D.U.K. Kedah Order of Merit	Kedah, Malaysia
1985	'FAR', Father of Modern Development Pasir Salak UMNO Division	Pasir Salak
1985	P.I.S Sultan Ibrahim Medal I	Johor, Malaysia
1982	D.U.N.M Knight Grand Commander of The Most Honourable Order of Melaka	Melaka, Malaysia
1982	S.S.M.T Seri Setia Sultan Mahmud Terengganu	Terengganu
1982	D.K.N.S The Most Esteemed Order of The Royal Family of Negeri Sembilan	Negeri Sembilan, Malaysia
1981	D.U.P.N Knight Grand Commander of The Most Honourable Order of Pulau Pinang	Pulau Pinang, Malaysia
1981	S.P.N.S Knight Commander of The Most Honourable Order of Negeri Sembilan	Negeri Sembilan, Malaysia
1981	S.P.D.K Seri Panglima Darjah Kinabalu	Sabah, Malaysia
1981	S.P.C.M Seri Paduka Cura Si Manja Kini	Perak, Malaysia
1980	D.P.Sarawak Dato Patinggi Bintang Kenyalang	Sarawak, Malaysia
1979	S.P.M.J. Dato' Seri Paduka Mahkota Johor	Johor, Malaysia
1978	S.P.M.S. Seri Paduka Mahkota Selangor	Selangor, Malaysia
1977	D.S.D.K. Seri Setia DiRaja Kedah, Kedah	Kedah, Malaysia
1977	SSAP	Pahang, Malaysia
1976	The Second Tun(Dr) Ismail Oration Academy of Medical	Malaysia
1965	Pingat Perak	Perak, Malaysia

ANUGERAH ANTARABANGSA

Tahun	Anugerah	Negara
2009	The Global Peace Maker Award from Ramadhan Foundation	United Kingdom
2007	Honorary Membership from HUM Alumni Chapter of Bosnia and Herzegovina	Bosnia and Herzegovina
2007	Honorary Doctorate from Universitas Syiah Kuala Darussalam, Banda Aceh	Indonesia
2006	Mother Teresa Award	India
2005	Gaddafi International Prize for Human Rights	Libya
2005	Huesped de Honor from Alcalde de Medellin	Republic of Colombia
2005	Orden Del Congress Grado	Republic of Colombia
2005	Orden De La Democracia "Simon Bolivar" - En El Grado de Gran Cruz Extraordinaria - Con Placa de Oro	Republic of Colombia
2005	Diplome-Pocasnog Clana Nastavnickog Vijeca Skole	Sarajevo
2005	Honorary Citizen of the Municipality of Travnik from the Municipal Council Travnik	Travnik
2005	The Linus Pauling Award from the International League of Humanists for Peace and Tolerance	Bosnia Herzegovina



Jasa dan pengorbanan YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad turut mendapat penghormatan dan penghargaan dunia luar.

KEHIDUPAN SESUDAH PERSARAAN

Kudrat Ilahi bersilih ganti, kudrat manusia terbatas jua. Selepas 22 tahun menabur jasa dan bakti, Tun Dr. Mahathir telah meletak jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia pada tanggal 31 Oktober 2003. Namun hakikatnya Tun tidak pernah bersara. *Umpama lelabah membuat sarang, hancur dirungkai dikait semula.* Tidak terhenti perjuangan seorang negarawan lebih-lebih lagi dengan nilai kemasyarakatan yang tidak pernah tipis dalam jiwanya, Tun Dr. Mahathir kini mengabdikan dirinya menyumbang selagi terdaya kepada isu keamanan dunia dan menghentikan peperangan. Tun Dr. Mahathir telah mengasaskan dan kini mempengerusikan Perdana Global Peace Organisation (PGPO). Beliau bersama PGPO memainkan peranan penting dalam *FreeGaza Freedom Flotilla Mission* yang giat dilaksanakan dari semasa ke semasa untuk menyampaikan bantuan kemanusiaan ke Gaza, Palestin yang kini dibelenggu krisis kemanusiaan yang menyedihkan. Misi tahun 2010 telah mendapat liputan luas pihak media di seluruh dunia lalu membuka pekung di dada rejim Zionis Israel. Walaupun peserta misi itu gagal menjejakkan kaki ke bumi Gaza, tetapi impaknya kepada dunia begitu besar malah menjadi bukti sudah terang lagi bersuluh terhadap

kekejaman rejim Zionis terhadap penduduk Gaza yang tidak berdosa. Inilah kejayaan besar PGPO - membuka mata dunia untuk kesekian kalinya terhadap isu kemanusiaan ini. Walaupun hanya dengan bersenjatakan semburan air dan lengan-lengan sekuat daya, aura kemanusiaan yang digagasi Tun Dr. Mahathir tetap dihamburkan kepada ketidakadilan rejim kuku besi Zionis di bumi Palestin.

Berbekalkan kekuatan minda yang masih kekal lunas dan pengalaman yang luas, khidmat nasihat Tun Dr. Mahathir terus diambil kira dan dihargai di peringkat nasional. Beliau kini merupakan Canselor Universiti Perdana; Penasihat Petronas dan Proton yang merupakan dua syarikat utama dalam dunia korporat Malaysia; Presiden Kehormat *Perdana Leadership Foundation* dan Canselor Universiti Teknologi Petronas. Malah minat menulis serta politik tidak pernah luntur daripada jiwa Tun. Kalau dulu beliau berkongsi pandangan melalui laman C.H.E. Det dalam akhbar, kini rakyat Malaysia kini berpeluang menyelami minda Tun melalui coretan beliau melalui blog C.H.E.Det (<http://chedet.cc/blog/>) yang mencecah capaian lebih daripada 30 juta.

Pasangan sehati sejiwa...
kekal romantis hingga kini.



WARISAN LEGASI TUN MAHATHIR

Walaupun bertarung masa dengan tanggungjawab berat sebagai 'Bapa' kepada rakyat Malaysia, Tun Dr. Mahathir tidak pernah mengabaikan tanggungjawab hakikinya sebagai suami yang pengasih kepada isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah dan sebagai bapa yang penyayang kepada anak-anak mereka yang ditatang bagai minyak yang penuh bagi memelihara warisan keluarga anugerah Ilahi. Legasi Tun Dr. Mahathir tidak mungkin terhenti di sini sahaja. Malah bakat kepimpinan beliau dan isteri turut tumpah kepada anak-anak mereka seramai tujuh orang iaitu Marina, Mirzan, Melinda, Mokhzani, Mukhriz, Maizura dan Mazhar. Datin Paduka Marina mewarisi semangat kemanusiaan

ayahandanya dan kini beliau sendiri terkenal dengan sumbangan khidmat kemasyarakatannya melalui NGO. Beliau pernah menjadi Presiden Yayasan AIDS Malaysia. Datuk Mokhzani pula merupakan usahawan bumiputera yang berjaya dengan mempengerusikan Lembaga Litar Antarabangsa Sepang dan pernah disenaraikan sebagai orang ke-19 terkaya di Malaysia oleh *Forbes Asia*. Sementara Mukhriz pula berkongsi minat politik bapa-anak sepertimana pernah berlaku kepada Tun dan ayahandanya dulu. Dato' Mukhriz aktif berkecimpung dalam politik negara dan kini diberi kepercayaan dan mandat kerajaan untuk memegang jawatan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia.



YABhg. Tun Dr. Mahathir dan YABhg. Tun Dr. Siti Hasmah bahagia dikelilingi anak-anak dan cucu-cucu mereka.

SUMBANGAN TUN DR. MAHATHIR KEPADA SAINS DAN TEKNOLOGI NEGARA

Sepanjang tempoh pentadbiran beliau, Tun Dr. Mahathir melalui dasar-dasar dan polisi-polisi baharu negara telah memacu perkembangan pesat sains dan teknologi di Malaysia. Polisi-polisi ekonomi beliau telah merevolusi Malaysia daripada sebuah negara berasaskan pertanian kepada sebuah pusat perindustrian berteknologi tinggi, kewangan dan hub telekomunikasi serantau. Sebagai wahana kepimpinan beliau, Tun Dr. Mahathir telah memperkenalkan Wawasan 2020 demi memacu negara menjadi sebuah Negara Maju menjelang tahun 2020. Selain menggerakkan negara untuk mencapai kestabilan ekonomi, politik dan masyarakat yang harmonis dengan nilai moral dan etika yang tinggi, Wawasan 2020 mensasarkan Malaysia menjadi sebuah negara merdeka dengan masyarakatnya yang progresif dan saintifik yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi malah mempelopori tamadun sains dan teknologi masa depan.

Dalam usaha menjadi peneraju sains dan teknologi, Tun Dr. Mahathir pernah mengutarakan bahawa kelemahan Malaysia mungkin dari segi ilmu dan teori. Dasar-dasar kerajaan dirangka untuk mengatasi kelemahan ini. Antaranya ialah menaja saintis-saintis tempatan menimba ilmu daripada pakar-pakar yang mahir dalam bidang-bidang tertentu terutamanya di luar negara. Pemindahan teknologi asing kepada teknokrat Malaysia diberi suntikan rangsangan dengan penyediaan pelbagai insentif. Salah satu kejayaan besar dalam gerakan ekonomi ini ialah penubuhan industri automotif negara. Projek pengeluaran kereta nasional PROTON melalui HICOM (*Heavy Industries Corporation of Malaysia*) merupakan salah satu projek gergasi Tun Dr. Mahathir dalam usaha melakar nama negara di arena antarabangsa. Projek yang pernah dianggap agak keterlaluan dan di luar kemampuan negara ketika itu kini terbukti menjadi



YABhg. Tun Dr. Mahathir berjaya membuka mata dunia dengan penubuhan PROTON yang menghasilkan kereta nasional pertama negara.



KLCC salah satu kemegahan Malaysia di bawah pentadbiran YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad.

kebanggaan rakyat Malaysia malah berjaya menggamit minat pelaburan dan pasaran serantau juga antarabangsa. Kini Malaysia boleh berbangga dengan adanya bukan hanya satu produk automobil negara, malah Perodua juga telah mengikut jejak langkah Proton dalam mendahului pasaran automobil negara dan juga antarabangsa. Tindakan berani Tun ini seterusnya telah meletakkan Malaysia jauh terkedepan berbanding negara-negara membangun lain.

Hasil R&D tidak akan bernilai sekiranya tidak disebarkan dan dimanfaatkan oleh umum. Tun Dr. Mahathir merupakan salah seorang Penaung (patron) Malaysian Invention and Design Society (MINDS) yang telah ditubuhkan pada tahun 1986. MINDS ditubuhkan dengan objektif menggalakkan persaingan yang sihat dalam penyelidikan dan reka cipta demi menggalakkan transformasi penyelidikan untuk diguna pakai dan memberi manfaat kepada manusia sejagat. Melalui MINDS juga, penyelidik-penyelidik dirangsang untuk lebih kreatif dan inovatif seterusnya mencapai hasrat kerajaan untuk membentuk masyarakat Malaysia yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi, malah mempelopori kemajuan sains dan teknologi.

Tun Dr. Mahathir merupakan seorang individu yang begitu tajam pemikirannya, serta senantiasa berpandangan jauh menjangkaui isu semasa. Latihan asas sebagai seorang doktor perubatan nyata sekali menjadikan beliau seorang yang begitu terperinci dalam mendiagnosis sesuatu perkara. Beliau mencari ramuan terbaik untuk bukan sahaja menyelesaikan sesuatu perkara, malah mencari alternatif paling baik agar sesuatu kesilapan tidak berulang, dan seterusnya negara senantiasa terkehadapan dalam pelbagai bidang.

Tun dengan begitu yakin dan praktikal memulakan usaha membangunkan bidang bioteknologi dan teknologi komunikasi maklumat sebagai langkah utama perkembangan ekonomi negara. Beliau telah mencetuskan idea Koridor Raya Multimedia (*Multimedia Super Corridor*) pada tahun 1996. Projek ini diilhamkan dan direalisasikan memandangkan beliau sedar akan pentingnya Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam dunia masa kini dan masa depan. Pelbagai bidang ilmu tanpa sempadan harus mampu dicapai di hujung jari setiap rakyat Malaysia secara saksama, serta dalam masa yang singkat agar rakyat negara ini tidak ketinggalan berbanding negara-negara asing. Berbekalkan perantaraan ini, rakyat Malaysia harus mampu bersaing di peringkat global dalam segala aspek.

MSC merupakan satu projek untuk mendepani isu Era Maklumat (*Information Age*). Projek ini dirancang dengan amat teliti dan meliputi keluasan

15km lebar dan 50km panjang yang dibangunkan sepenuhnya mengikut konsep yang dirancang teliti. Koridor ini menghubungkan KLCC terus ke KLIA, dan dirancang sedemikian rupa untuk melalui Putrajaya sebagai pusat pentadbiran Negara. Ruang koridor akan dibangunkan dengan prasarana-prasarana yang akan memenuhi tuntutan dan perkembangan era maklumat seterusnya merealisasikan impian membangunkan MSC yang cekap dan optimum. Satu persatu impian dan perancangan teliti ini telah menjadi kenyataan: KLIA, PutraJaya, Cyber Jaya, MMU dan sebagainya. Kini setelah hampir 15 tahun, tiada yang dapat menafikan peranan besar IT dalam urusan seharian masa kini. Dan Malaysia sekali hanya harus mengangguk setuju bahawa Tun telah membuktikan kebijaksanaannya dalam mendepani isu *Information Age* ketika tampuk pemerintahannya dulu.

Menyedari bahawa Malaysia mampu menyerlahkan potensi yang lebih baik di masa hadapan, maka KLIA Sepang mula dirancang sebagai jalan masuk utama yang mampu menangani lebih banyak peluang pelaburan. Kini, dengan keluasan keseluruhan hampir 100km², KLIA merupakan salah satu lapangan terbang terbesar di dunia dan menjadi mercu tanda pertama dikagumi oleh pelawat-pelawat dari luar negara yang masuk ke Malaysia melalui udara. Ia mampu menguruskan lebih 35 juta penumpang serta 1.2 juta tan kargo setahun. KLIA juga telah dinobatkan sebagai lapangan terbang ke 13 paling sibuk di dunia dan ke-7 paling sibuk di Asia, kesemuanya menggambarkan kerancakan urus niaga yang berlaku dengan terbinanya KLIA menggantikan Lapangan Terbang Subang, satu bukti langkah bijak Tun dengan pandangan jauhnya yang melangkaui isu semasa.

Projek-projek bertaraf nasional yang dibangunkan seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Stadium Nasional Bukit Jalil, Litar Perlumbaan Antarabangsa Sepang yang menjadi lokasi perlumbaan sukan permotoran berprestij, *Formula One* saban masa, bandaraya terancang Putrajaya sebagai pusat pentadbiran kerajaan persekutuan yang baharu, Lebuhraya Utara-Selatan sebagai tulang belakang pembangunan ekonomi luar bandar dan Menara Berkembar Petronas menjadi mercu tanda ketinggian teknologi yang dimiliki oleh Negara. Ini seterusnya telah membuka mata dunia bahawa Malaysia adalah sebuah negara sedang membangun yang semakin dikagumi dan mampu mengorak langkah gagah dan mantap menuju ke tahap negara maju setaraf dengan negara-negara besar lainnya.

Pada 1 Oktober 2002, di PWTC, telah berlangsung *The International Convention on Biotechnology*. Dalam uaptnya beliau, Tun Dr. Mahathir menegaskan potensi besar Malaysia dalam bidang Bioteknologi. Negara mempunyai begitu banyak sumber yang masih belum diterokai sepenuhnya. Malah Malaysia merupakan salah sebuah negara di dunia yang mempunyai sumber-bio dengan kepelbagaian-mega. Apatah lagi, ekosistem marin yang kaya termasuk komuniti batu karang yang pelbagai seolah-olah hanya menunggu untuk kita terokai dan memanfaatkan untuk kepentingan sejagat. Ketika itu Tun telah menegaskan bahawa kita mungkin kekurangan dari segi kepakaran, maka latihan harus digiatkan dan usaha sama dengan pakar dari luar negara harus digalakkan. Tun menyeru penyelidik-penyelidik tanahair untuk sama-sama berganding bahu memenuhi aspirasi kerajaan untuk menjadi hub bioteknologi terkemuka dunia dan dalam masa yang sama memanfaatkan potensi yang ada daripada sumber-bio yang tersedia di Negara kita.

Penubuhan *BioValley* pada tahun berikutnya (2003) merupakan bukti kesungguhan Tun untuk menggerakkan Malaysia ke arah menjadi salah satu peneraju utama bidang bioteknologi di rantau ini. Tun Dr. Mahathir menggarap wawasan bahawa sektor ini mampu menyumbang dalam mempertingkatkan kualiti kesihatan rakyat di dunia seterusnya meningkatkan lagi kualiti kehidupan rakyat selari dengan cabaran menjayakan Wawasan 2020.

Selain daripada potensi bioteknologi, Tun juga turut peka dengan perkembangan alam sekitar dan isu sains global. Tun adalah insan yang berpandangan jauh serta cekap mengenai pasti hak dan peluang. Seawal tahun 1982, semasa berucap di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke-37 di New York, Tun dengan lantang menyuarakan "...*Antarctica did not legally belong to the discoverers, just as the colonial territories do not belong to the colonial powers. Like the seas and the sea-bed, these uninhabited lands belong to the international community...*". Lontaran pandangan tegas dan

lantang Tun ini telah membuka mata dan minda dunia. Sesungguhnya, Tun telah memperjuangkan kesejahteraan manusia secara adil dan saksama. Ucapan Tun ini telah memberi impak yang begitu besar terhadap *Antarctic Treaty* sehingga ianya seringkali dirujuk dan dipetik dalam pelbagai perbincangan dan penulisan berkenaan Antartika. Visi dan wawasan Tun telah dijadikan batu asas kepada Program Penyelidikan Antartik Malaysia (Malaysia Antarctic Research Program) untuk menjalankan kajian penyelidikan di bumi putih itu. Peluang yang dibuka oleh Tun untuk Malaysia sama-sama menerokai harta alam milik dunia ini telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh saintis Negara daripada pelbagai institusi. Hari ini, sumbangan para penyelidik Malaysia khususnya dalam bidang perubahan iklim global (*Global climate change*) dan biodiversiti Antartika telah diperakui dunia.

Pendek kata, sepanjang tempoh penerajuan beliau sebagai Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir telah membawa Malaysia ke persada kecemerlangan dalam semua bidang. Kini Malaysia telah melalui pelbagai pembaharuan baik dari aspek fizikal dan mental mahupun sosial. Malaysia telah menjadi negara yang disegani dan dihormati di pentas dunia dan mampu berdiri sama tinggi di kalangan negara-negara maju dunia lainnya, khususnya dalam bidang Sains dan Teknologi. Pesanan Tun dalam salah satu uaptnya beliau tentang fungsi dan peranan kita sebagai saintis anak bangsa:

"Asian scientists should cherish the high purpose of their scientific learning and not be made the instruments of people with ruthless ambition. We may now return to the moral high ground of applying learning for the betterment of mankind."

Semangat ini selari dengan Wawasan 2020 agar Malaysia menjadi bukan sahaja pengguna, bahkan mempelopori perkembangan sains dan teknologi, demi kebaikan agama, bangsa dan Negara, juga dunia. Tun Mahathir Mohamad, jasamu dikenang dan dijunjung tinggi.